

Kerajaan defendan kes saman GST

SH 4/8
KUALALUMPUR - Syarikat pengimport dan pengedar buah kurma akan mengemukakan permohonan menamakan Kerajaan Malaysia sebagai salah satu defendan dalam kes samannya berkaitan pelaksanaan GST terhadap buah kurma kering dan barangan keperluan asas lain di negara ini.

Perkara tersebut dimaklumkan oleh peguam Datuk Abu Backer Sidek yang mewakili Asia Kitchen Industries Sdn Bhd (Asia Kitchen) selepas pengurusan kes tersebut di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur di sini, semalam.

Pada 20 Julai lalu, Asia Kitchen memfailkan saman tersebut dengan menamakan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (kastam) dan Kementerian

Kewangan sebagai defendan pertama dan kedua.

Kedua-dua defendan diwakili Peguam Kanan Persekutuan, Farah Ezlin Yusop Khan.

Farah Ezlin ketika ditemui pemberita memberitahu, pihaknya akan memfailkan permohonan bagi membatalkan saman tersebut selepas pindaan terbabit dibenarkan oleh mahkamah.

Mengikut pernyataan tuntutan, plaintif mendakwa defendan telah gagal atau cuai untuk mengambil kira kurma kering sebagai makanan asas bagi umat Islam ketika bulan puasa.

Sebaliknya limau mandarin yang menjadi makanan asas bagi kaum Cina ketika Tahun Baharu Cina tidak pula

dikenakan GST.

Plaintif turut mendakwa kesan daripada GST terhadap kurma kering tersebut telah menyebabkan prejudis terhadap pengguna secara amnya dan plaintif secara khususnya.

Sehubungan itu, Asia Kitchen memohon suatu perintah supaya produk asas dan perkhidmatan asas serta kurma kering dikecualikan daripada dikenakan GST berkenaan.

Dalam pada itu, plaintif turut memohon suatu perintah bahawa senarai buah-buahan dan sayur-sayuran, senarai barang bercukai serta tidak bercukai edisi ketiga dipinda dan kurma kering tidak dikenakan GST sama seperti kurma basah.